



Ref: [27] dlm.SS/1223/2

Tarikh : 6 Muharram 1448H
22 Jun 2026

SIARAN AKHBAR

Untuk dikeluarkan pada 23 Jun 2026

Rukyah Hilal Muharram 1448H Meningkatkan Kefahaman Orang Awam Tentang Pencerapan Anak Bulan

22 Jun 2026, Isnin, Bandar Seri Begawan – Pada hari Isnin, 15 Jun 2026, Jabatan Ukur telah mengadakan Rukyah Hilal Muharram 1448H di lokasi cerapan yang ditetapkan di seluruh Negara Brunei Darussalam iaitu Taman Rekreasi Tanjung Batu (Daerah Brunei dan Muara), Bukit Agok (Daerah Brunei dan Muara), Bukit Ambog (Daerah Tutong) dan Bukit Lumut (Daerah Belait).

Aktiviti sesi pagi dimulakan dengan taklimat dalam talian serta penerangan mengenai peralatan dan proses yang digunakan untuk rukyah hilal (cerapan anak bulan), manakala sesi petang menyaksikan Matahari Terbenam dan cerapan Anak Bulan Muharram.

Pemerhatian Anak Bulan Muharram 1448H telah dijalankan dengan menggunakan instrumen astronomi moden seperti teleskop dan *theodolite*. Aktiviti tersebut dihadiri oleh Hakim-hakim Syariah di lokasi-lokasi yang ditetapkan, dan juga para peserta serta pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur. Aktiviti ini bertujuan memberikan peserta pendedahan teori dan praktikal mengenai proses rukyah hilal, disamping pengalaman langsung menggunakan instrumen astronomi yang lazim digunakan semasa cerapan rasmi anak bulan bagi Ramadan, Syawal, dan Zulhijjah.

Inisiatif ini diharapkan dapat memperdalam pengetahuan masyarakat tentang amalan kalendar lunar Islam serta menggalakkan penglibatan komuniti yang lebih meluas dalam tradisi rukyah hilal.

Rukyah Hilal ini merupakan program pertama daripada empat siri astronomi yang dianjurkan sempena Brunei MYCE 2026. Acara seterusnya termasuk *Astro Adventures Boot Camp*, iaitu pengenalan menarik yang mendidik tentang astronomi melalui aktiviti interaktif serta praktikal pada 21 Jun 2026 di Taman Jubli Perak, Daerah Brunei dan Muara, *Explore the Milky Way*, iaitu pengembaraan pencerapan bintang semalaman yang akan berlangsung pada 5 hingga 6 Julai 2026 di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Daerah Belait, diikuti dengan Seminar Ilmu Falak dan Astronomi pada 7 Julai 2026 di Dewan Mawaddah, Setia Point Co., Daerah Brunei dan Muara yang akan menampilkan pembentangan dan perbincangan oleh pakar tempatan dan antarabangsa mengenai peranan astronomi dalam sains dan tradisi Islam. Para peserta juga boleh memilih pakej program yang ditawarkan pada kadar istimewa. Maklumat lanjut, pendaftaran dan jadual program boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Jabatan Ukur di www.survey.gov.bn.

-TAMAT-



جابتن اوکور

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Disediakan oleh:
Serina Alyssa binti Udan
Ketua Juruteknik Ukur
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 867 7602
Emel: serina.udan@survey.gov.bn

Dibenarkan oleh:
Nor Zetty Akhtar binti Haji Abd Hamid
Pemangku Juruukur Agung
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam.